



BULETIN MPSPK

Edisi 2019 Vol 1

KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH

Edaran Percuma

www.mpspk.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
Sungai Petani Municipal Council



10 Program Publisiti Penyertaan Awam Draft RTD Kuala Muda

12 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018

16 Majlis Sumbangan Aicilfitri MPSPK 2019

ISI KANDUNGAN

- 01 Editorial
- 02 Perutusan Yang Dipertua
- 03 Berita Ringkas
- 04 Pertukaran YDP & Setiausaha
- 06 Lawatan PBT Pengerang, Johor
- 08 Publisiti Penyertaan RTD Kuala Muda 2035
- 10 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018**
- 12 Lawatan EXCO YB Asmirul Anuar Aris ke MPSPK
- 14 Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2019
- 16 MPSPK I Love Hiking Bukit H 2019
- 17 Kempen Kedah Go Green**
- 18 Ragam MPSPK



06 Lawatan PBT Pengerang, Johor



08 Publisiti Penyertaan RTD Kuala Muda 2035 (Penggantian)



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 (APC)



14 Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPSPK 2019

Tel 04-4296666
Faks 04-4296655/56
Aduan 04-4296700



<http://www.mpspk.gov.my/>
<http://eaduan.mpspk.gov.my/>
<https://www.facebook.com/Majlis-Perbandaran-Sungai-Petani>

Assalamualaikum wrt dan salam sejahtera!

Alhamdulillah. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana kita masih berkesempatan untuk menerbitkan buletin MPSPK edisi 1/2019.

Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang redaksi Buletin MPSPK kerana berjaya menerbitkan majalah ini.

Seiring dengan kepantasan kemajuan teknologi komunikasi telefon pintar, MPSPK turut tidak ketinggalan beradaptasi bersama arus pemodenan. Bagi memudahkan seluruh penduduk Sungai Petani, MPSPK membuka satu lagi saluran awam dalam melaporkan aduan.

Kini segala aduan boleh disalurkan melalui aplikasi popular WhatsApp. Langkah ini mendapat sambutan positif dari penduduk Sungai Petani. Inisiatif seperti ini membuktikan MPSPK sentiasa progresif di dalam memperbaiki perkhidmatan kepada semua pembayar cukai.

Tidak ketinggalan adalah persiapan untuk menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020. Daerah Kuala Muda di kenalpasti mempunyai potensi destinasi pelancongan menarik. MPSPK tampil dengan langkah proaktif untuk bersama menyumbang menjana perkembangan ekonomi industri pelancongan dengan melakukan beberapa penambahbaikan kepada beberapa kemudahan pusat pelancongan tempatan.

Harapan saya ialah untuk memastikan perkhidmatan MPSPK sentiasa yang terbaik serta merakyatkan perkhidmatan perbandaran yang cekap seiring dengan perkembangan teknologi menerusi pembangunan secara saksama.

Terima kasih atas sokongan semua.

Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
AMK., BCK.,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sungai Petani



EDITORIAL

Pengerusi/Penaung
Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
AMK., BCK.,
Yang Dipertua, MPSPK

Penasihat
Sunita binti Abdul Aziz
AMK., BCK.,
Setiausaha, MPSPK

Editor
Faten binti Sobri
Ketua Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Penulisan
Sidang Redaksi MPSPK

Arahan Seni & Fotografi
Armin Anuar

MPSPK
Majlis Perbandaran Sungai Petani
Jalan Patani,
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

© Hakcipta Terpelihara 2019 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.

INFO/TALIAN MPSPK

- CARA MENGHANTAR ADUAN MELALUI APLIKASI WHATSAPP MPSPK**
- 1 Sila sertakan nama anda.
 - 2 Sertakan alamat kediaman anda.
 - 3 Kenalpasti lokasi aduan. Contoh: lorong/berhampiran.
 - 4 Butiran aduan. Contoh: Mohon penempatan pokok.
 - 5 Hantar ke: 013-4287700
- !** Aduan yang tidak menepati ciri-ciri di atas tidak akan dilayan.

- | | |
|--|--|
| 01 JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
04-429 6770 | 06 JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
04-429 6738 |
| 02 JABATAN KEWANGAN
04-429 6609 | 07 JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
04-429 6777 |
| 03 JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA
04-429 6701 | 08 JABATAN LANSKAP & REKREASI
04-429 6788 |
| 04 JABATAN PERANCANG BANDAR
04-429 6646 | 09 JABATAN PENGUATKUASAAN
04-429 6783 |
| 05 JABATAN KEJURUTERAAN
04-429 6626 | 10 JABATAN BANGUNAN
04-429 6678 |

TERIMA KASIH
KEPADA PEMILIK HARTA YANG TELAH MENJELASKAN
CUKAI TAKSIRAN ANDA BAGI PENGGAL PERTAMA 2019

KEMPEN BAYAR CUKAI PINTU MPSPK 2019



Untuk kempen tahun ini, semua pembayar cukai menerima cenderahati berupa 3 Layer Food Container beserta woven bag. Pihak Jabatan Kewangan MPSPK menyediakan sebanyak 37,500 unit cenderahati untuk semua pembayar cukai pintu terawal.

Penyerahan cenderahati ini diserahkan pada semua mulai pada 1 Januari 2019 yang melibatkan pembayaran cukai pintu tunggakan berserta tahun semasa 2019.



Kempen Bayar Cukai Pintu 2019
1/01/2019
Menara MPSPK

Dalam usaha menggalakkan pemegang harta menjelaskan cukai taksiran, Majlis Perbandaran Sungai Petani mengadakan Kempen Bayar Cukai Pintu bermula 1 Januari hingga 28 Februari 2019.

Kaunter pembayaran tambahan turut dibuka seawal jam 8.30 pagi bagi bersedia menerima kehadiran pembayar-pembayar cukai terawal.



PERTUKARAN YANG DI PERTUA & SETIAUSAHA MPSPK

Kemasukan tahun baru 2019 dibuka dengan pertukaran dua pegawai utama di Majlis Perbandaran Sungai Petani. Berkuatkuasa pada 15 Januari 2019, Yang Di Pertua MPSPK Haji Norizan Khazali secara rasminya telah bertukar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dengan menjawat jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan di bahagian pembangunan.

Jawatan beliau digantikan oleh Haji Mohd Fauzi Mustaffa yang sebelum ini menjawat jawatan Yang Di Pertua Majlis Daerah Bandar Baharu, Serdang. Kehadiran beliau ketika melapor diri ke Menara MPSPK disambut mesra oleh Setiausaha Encik Helmi Yahya.



Sementara itu tepat pada tarikh 15 Mei 2019, telah berkuatkuasa pertukaran Memangku Setiausaha Encik Helmi bin Yahya ke Majlis Sukan Negeri, Alor Setar.

Tempat beliau telah digantikan oleh Puan Sunita binti Abdul Aziz yang sebelum ini menjawat jawatan Timbalan Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (Pembangunan Sektor)

Jutaan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua mantan Setiausaha dan Yang Di Pertua yang pernah menabur budi dan jasa bakti kepada sekalian warga MPSPK. Tahniah dan selamat maju jaya!



Kursus Pengendalian E-Aduan



Kursus Pengendalian E-Aduan
6/03/2019
Bilik Gerakan, Aras 5, Menara MPSPK

Kursus Pengendalian E-Aduan ini diadakan bertujuan untuk memantapkan kemahiran peserta di dalam mengendalikan aduan serta menginputkan data mengikut saluran yang tepat.

Dikendalikan oleh Encik Mohd Fardly dari Bahagian Teknologi Maklumat, kursus ini penting untuk tujuan pengemaskinian kaedah serta maklumat terkini di dalam menyalurkan aduan ke jabatan/bahagian yang betul.

Taklimat Draft Rancangan Tempatan Daerah (RTD)



Taklimat Draft Rancangan Tempatan Daerah
22/01/2019
Bilik Gerakan, Aras 5, Menara MPSPK

Satu taklimat draft Rancangan Tempatan Daerah (RTD) telah diadakan oleh Jabatan Perancang Bandar yang dipengerusikan oleh Puan Rohani binti Abu Bakar.

Taklimat ini bertujuan untuk memperjelaskan lagi kepada masyarakat setempat tentang perancangan yang telah digariskan dalam dokumen draft RTD Kuala Muda.

Turut hadir di sesi taklimat ini adalah Ahli Parlimen Merbok YB Puan Nor Azrina binti Surip.



LAWATAN KERJA PBT PENGERANG, JOHOR

Lawatan Kerja Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang
26 /2/ 2019
Menara MPSPK, Sungai Petani

Bahagian Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang, Johor telah mengadakan lawatan kerja ke MPSPK yang diketuai oleh Encik Abdul Rahman bin Yusoff, Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan, Pengerang Johor.

Lawatan kerja yang berlangsung lebih kurang dua jam ini memfokuskan perkongsian maklumat serta pengalaman tentang isu-isu terkini permasalahan di sekitar komuniti penduduk kedua-dua daerah.

Sesi taklimat pengenalan organisasi dikendalikan secara bersama oleh mantan Setiausaha, Encik Helmi bin Yahya dan Ketua Jabatan Penguatkuasaan Encik Haji Wan Ahmad Fuad bin Wan Yahaya.



Taklimat berakhir bersama pertukaran cenderamata kedua-dua belah pihak sebagai tanda kenangan. Selesai jamuan makan tengah hari, kesemua anggota lawatan kerja dibawa ke Pusat Interpretasi Pelancongan Jeti Semeling bagi mendengar taklimat perkembangan sektor pelancongan di Daerah Kuala Muda.

Semestinya lawatan menelusuri Sungai Merbok adalah satu acara wajib bagi meraikan tetamu yang datang dari jauh. Tidak ketinggalan kesemua anggota lawatan turut menikmati keenakan siput tiram di Bakau Hijau.



1. Encik Abdul Rahman bin Yusoff, Setiausaha PBT Pengerang bersama Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSPK Encik Mohd Amin Ali sedang menonton video korporat MPSPK.

2. Bahagian Penguatkuasaan PBT, Pengerang kelihatan teruja ketika menikmati pengalaman menelusuri Sg Merbok bersama bot Catamaran.

3. Antara gelagat dan keletah lucu anggota penguatkuasa PBT Pengerang ketika menikmati tiram di Bakau Hijau Sungai Merbok.



MAJLIS PERASMIAN Program Publisiti Penyertaan Awam



PROGRAM PUBLISITI PENYERTAAN AWAM RTD 2035

Program Publisiti Penyertaan Awam
RTD Kuala Muda 2035 (Penggantian)
31 Mac 2019
Dewan Kenangan, Menara MPSPK



Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2035 (Penggantian) telah dirasmikan oleh YAB Dato Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Negeri Kedah. Seramai lebih kurang 500 orang yang telah hadir terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor kerajaan dan swasta.

Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2035 (Penggantian) yang telah berlangsung selama sebulan bermula dari 1- 30hb April 2019, berupaya mengundang kepelbagaian cadangan dan pendapat dalam menjadikan Daerah Kuala Muda sebagai daerah berdaya huni, berdaya maju, mampan dan pintar menjelang tahun 2035.

Sehubungan itu, program ini telah diadakan di empat (4) lokasi utama iaitu di Ruang Legar Majlis Perbandaran Sungai Petani, Pejabat PLANMalaysia@Kedah, Kompleks UTC Sungai Petani, dan pejabat cawangan MPSPK Jeniang. Selain itu, kaedah 'roadshow' bersama-sama dengan penduduk setempat diadakan di tiga (3) lokasi iaitu di Pasaraya Aneka Gurun, Amanjaya Mall dan Pantai Merdeka.

Jemputan majlis perasmian ini dilakukan secara komprehensif melibatkan Ahli Majlis, golongan profesional di peringkat negeri, daerah, PBT, pemaaju-pemaaju, agensi teknikal, NGO, pengusaha-pengusaha, IPTA/IPTS dan MPKK.

Kejayaan penganjuran Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2035 (Penggantian) amat bergantung pada kerjasama, sokongan serta semangat *team work* oleh semua pihak di peringkat negeri, daerah dan jabatan.



1. Menteri Besar Kedah, YAB Dato Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, merasmikan dan menandatangani plak peringatan di atas rostrum pentas utama.
2. Jabatan Perancang MPSPK merakam gambar kenangan di sudut pameran utama RTD Kuala Muda 2035.
3. Sambutan hangat dan ramah untuk semua tamu dan jemputan yang hadir untuk proses pendaftaran program ini.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2018

& MERAIKAN BAKAL-BAKAL PESARA BAGI TAHUN 2019

KHAMIS 11 APRIL 2019 / 2 PETANG / DEWAN KENANGAN MPSPK



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG APC 2018

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
11 April 2019
Dewan Kenangan, Menara MPSPK

Dibawah adalah senarai nama-nama pesara yang diraikan pada Majlis APC kali ini;

- | | |
|--------------------------------|---------------------------|
| 1. Abdul Rohim bin Haji Md Isa | 13. Yahaya bin Md Isa |
| 2. Akashah bin Abdul | 14. Ibrahim bin Wahab |
| 3. Harun bin Ismail | 15. Suami bin Wahab |
| 4. Abdul Malek bin Shafiee | 16. Mohd Nor bin Sulaiman |
| 5. Insard bin Mohamed Islam | 17. Azmi bin Ramli |
| 6. Mustafa bin Shaaban | 18. Roslizan bin Saidin |
| 7. Muhamad Rosli bin Ab Rahman | |
| 8. Faridah binti Osman | |
| 9. Salma binti Othman | |
| 10. Mohd Fowdzi bin Ahmad | |
| 11. Muhd Suberi bin Abd Razak | |
| 12. Mohd Shukuri bin Abd Razak | |



Seramai 43 warga kerja MPSPK dari pelbagai jabatan dan bahagian telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018, manakala seramai 18 orang bakal pesara pula telah menerima cenderahati istimewa plak kaligrafi ayat Al-Quran.

Acara majlis disempurnakan oleh Yang Dipertua Tuan Haji Mohd Fauzi Mustaffa bersama Setiausaha Encik Helmi Bin Yahya. Turut menyerikan majlis adalah barisan ahli-ahli majlis yang tidak ketinggalan membantu melancarkan majlis.

Perjalanan majlis lancar bersama persembahan live dari kelab muzik KESUKEM serta cabutan bertuah untuk semua. Majlis APC kali ini juga diadakan bagi meraikan semua warga dengan memberikan satu set barang dapur.



1. Sesi perkenalan Ahli Majlis baharu 2018/19 yang hadir kepada semua warga kerja MPSPK.

2. Mohd Rohaizat Fahimi bin Muhamad dari Jabatan Lanskap menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari Yang Di Pertuan Tuan Haji Mohd Fauzi Mustaffa. Tahniah duicapkan.

3. Balang kad cabutan bertuah yang sentiasa penuh saban tahun di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.





LAWATAN EXCO YB AMIRUL ANUAR KE SEMELING



Lawatan Exco YB Amirul ke Semeling 10 Januari 2019 Pusat Interpretasi Kompleks Jeti Semeling, Merbok.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Jawatankuasa Pelancongan, Seni & Budaya dan Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Yang Berhormat Mohd Asmirul Anuar bin Aris telah mengadakan lawatan kerja ke MPSPK dengan mengunjungi Pusat Interpretasi Kompleks Jeti Semeling.

Fokus utama lawatan ini adalah untuk mendengar beberapa taklimat penting hala tuju dan perkembangan industri pelancongan Daerah Kuala Muda.

Antara pengisian yang telah dimuatkan dalam program ini adalah taklimat daripada Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSPK, Encik Mohd Amin bin Ali berkenaan sejarah dan status terkini tapak arkeologi Sungai Batu, Merbok serta perkembangan status Jerai Geopark.

YB Mohd Asmirul Anuar tertarik dengan aspirasi serta pelan perkembangan industri pelancongan daerah Kuala Muda yang diusahakan MPSPK. Beliau mezhahirkan pengharapan agar kemajuan ini boleh merancakkan industri pelancongan ke tahap yang lebih kompetitif.



Turut hadir dalam program lawatan ini ialah barisan ahli-ahli majlis MPSPK, Ahli Parlimen Sungai Petani YB Dato' Johari Abdul, Ahli Parlimen Merbok, YB Nurin Aina, Tuan Pengarah Daerah Kuala Muda Encik Haji Md Nordin Yahya & Penyelaras DUN Tanjung Dawai Mej.(B) Anuar Abdul Hamid.

Majlis lawatan ini di akhiri dengan kunjungan ke beberapa lokasi pelancongan terpilih di daerah Kuala Muda seperti pusat penternakan tiram Bakau Hijau, Restoran Terapung Teluk Bayu dan Pantai Merdeka Beach Resort. Perjalanan ke semua lokasi ini ditelusuri dengan melewati Sungai Merbuk bersama bot pelancongan Catamaran MPSPK.



1. Ahli Majlis Encik Mohd Nawi Husin tidak ketinggalan menandatangani buku pelawat Bakau Hijau.
2. YB Dato' Johari Abdul tekun meendengar taklimat pemeliharaan tiram di Bakau Hijau, Sungai Merbok.
3. Ahli Majlis Encik Mohd Shubih Muhammad Zain memberi buah pendapat serta pandangan bernas untuk penambahbaikan industri pelancongan Daerah Kuala Muda ketika sesi dialog bersama YB Amirul Anuar Aris.



MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MPSPK 2019

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPSPK
20 Jun 2019
Dewan Kenangan, Menara MPSPK

Seramai 1,000 warga kerja MPSPK, agensi kerajaan, kontraktor dan orang awam hadir memeriahkan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri MPSPK 2019.

Majlis yang berlangsung di Dewan Kenangan, MPSPK itu diserikan dengan kehadiran beberapa mantan Setiausaha dan Yang Dipertua seperti Dr. Fadzil bin Abdul Kadir, Datuk Haji Ismail bin Said dan Encik Radzuan bin Osman.

Turut hadir memeriahkan majlis adalah Pegawai Daerah Kuala Muda, Encik Haji Md Nordin bin Yahya, YB Encik Ooi Tze Min serta YB Dato' Johari Abdul.



Majlis yang dianjurkan secara bersama dengan Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKEM) serta kerjasama dari semua jabatan dan bahagian dalam MPSPK.

Saban tahun majlis jamuan ini bertujuan untuk membuka ruang kepada warga kerja MPSPK dan pelbagai agensi awam & swasta serta orang ramai beramah mesra serta mengeratkan jalinan silaturahim di antara satu sama lain.

Pelbagai hidangan enak dan menarik disajikan pada majlis ini. Antara yang menjadi pilihan ramai adalah kambing bakar golek dan satay istimewa dari Semeling. Yang di Pertua, Haji Mohd Fauzi Mustaffa dan Setiausaha, Puan Sunita Abdul Aziz turut memberikan duit hari raya kepada semua kanak-kanak yang hadir.



1. Mantan YDP Datuk Haji Ismail bin Said, Pegawai Daerah Kuala Muda, Encik Haji Md Nordin Yahya bergambar kenangan bersama Yang Di Pertua MPSPK Haji Mohd Fauzi Mustaffa.



2. Ketua Jabatan Lanskap Encik Muhammad Hasrun Ahmad tak ketinggalan merakamkan gambar pose istimewa bersama kakitangan utama Jabatan Lanskap.



3. Setiausaha Puan Sunita Abd Aziz memberikan duit raya kepada pengunjung kanak-kanak yang hadir pada majlis jamuan Aidilfitri MPSPK.



MPSPK I LOVE HIKING BUKIT H 2019

MPSPK I Love Hiking Bukit H
15 Jun 2019
Sekolah Menengah Kebangsaan Sg. Pasir
*Fotografi: Imran Saad JPM MPSPK

Program ini berjaya menerima jumlah sebanyak 567 penyertaan yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu (A) Lelaki Terbuka, (B) Wanita Terbuka, (C) Pelajar Lelaki dan (D) Pelajar Wanita.

Pelbagai insentif menarik turut disediakan untuk acara ini termasuk piala, T-shirt, sijil, refreshment, gelang tangan, nombor bib dan cabutan bertuah. Hadiah disampaikan oleh Tuan YDP MPSPK Haji Mohd Fauzi Mustaffa, Puan Setiausaha MPSPK Sunita bt Abdul Aziz.

Larian ini bertujuan untuk mempromosikan Sungai Petani sebagai bandar tarikan pelari dan pengembara. Pada masa yang sama, program seperti ini mampu menjadi pemangkin untuk menarik pelancong dan orang luar untuk melawat kawasan rekreasi popular sekitar Daerah Kuala Muda.



MPSPK I Love Hiking Bukit H ialah program larian hiking anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan MPSPK (KESUKEM) yang telah dilaksanakan dengan jayanya.

Larian ini terbuka kepada semua golongan masyarakat berumur 7 tahun ke atas. Seawal jam 7 pagi, larian bermula dari SMK Sungai Pasir dan diteruskan hingga ke Bukit H yang berjarak kira-kira 7km. Bukit H adalah nama gelaran popular di kalangan penduduk tempatan Taman Semarak. Satu pusingan laluan adalah sejauh 3.2km selain memiliki ketinggian 156 meter. Pendakian untuk laluan bukit ini terbuka kepada semua peringkat kemahiran.



1. Gaya penuh semangat salah seorang pelari dewasa ketika mahu memulakan pendakian Bukit H.
2. Pemenang hadiah utama cabutan bertuah menerima sebuah TV LED 32" jenama Philips. Tahniah diucapkan!!
3. Keriangan serta keceriaan terpancar pada wajah semua peserta yang berjaya menamatkan larian mereka. Sijil penyertaan/medal dijulang tinggi sebagai tanda bukti penamat kepada cabaran aktiviti larian hujung minggu. Syabas kepada semua!!



KEMPEN KEDAH GO GREEN

Demi melestarikan alam sekitar, Kerajaan Kedah telah melancarkan Kedah Go Green melalui Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah 2019 yang mula berkuatkuasa pada 1 April lalu.

Menurut Encik Simon Ooi Tze Min, Exco Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam, Sains dan Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar Kedah, kempen ini terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu beg dan penyedut minuman plastik serta bekas makanan berasaskan polistirena.

Pengumuman tersebut sudah dilakukan beberapa kali selepas Mesyuarat Exco Kedah sejak Februari - Mac lalu supaya peniaga dan pengusaha bersedia untuk menyertai kempen berkenaan.

Sasaran kira-kira 70 peratus pengusaha dan pemilik perniagaan menyertai Kedah Go Green di seluruh negeri ini dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih lagi sedang menerima pendaftaran dari kelompok ini. Satu seruan secara kolektif untuk semua pemilik perniagaan menyertai kempen ini secara sukarela serta berdaftar dengan PBT bagi memperoleh sijil penyertaan.

Mengambil contoh dari negeri Pulau Pinang yang sudah memasuki tempoh 10 tahun kempen, Simon berharap Kedah mampu melakukan perkara yang sama dalam usaha memulihara alam sekitar dan ekosistem.

Hari tanpa beg plastik adalah pada setiap hari **Jumaat** dan **Sabtu**.



HARI TANPA BEG PLASTIK



MINUM TANPA STRAW



BUNGKUS MAKANAN TANPA POLISTIRENA

Caj 20 sen akan dikenakan bagi setiap helai beg plastik diminta pelanggan dan premis perniagaan perlu menggalakkan atau memperkenalkan beg alternatif (beg non-biodegradable) yang boleh diguna semula kepada pelanggan.

Kempen minum tanpa straw pula adalah penyedut minuman itu tidak diberikan kepada pelanggan melainkan sekiranya diminta atau kepada pelanggan yang kurang upaya. Kempen ini juga turut mengharamkan penggunaan pembungkus makanan polistirena dan digantikan dengan pembungkus makanan lebih mesra alam.

Premis - premis yang terlibat dalam kempen tersebut adalah pasar raya, restoran makanan segera, kedai serbaneka, stesen minyak, kedai rangkaian, kedai makanan, penjaja statik dan bergerak serta farmasi.

Menurut data Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) sebanyak 8 juta tan plastik seperti botol, bungkusan dan sisa lain terlepas ke dalam lautan setiap tahun hingga mampu membunuh kehidupan marin seterusnya memasuki rantaian makanan manusia.

Sehelai beg plastik mengambil masa 500 tahun untuk mereput dan terurai manakala toksik yang terdapat pada polistirena boleh mengganggu fungsi reproduksi ke atas manusia dan haiwan.

IKON KUALA MUDA

Muzium Arkeologi Lembah Bujang

- Dibuka secara rasmi pada 23 Januari 1980 oleh DYMM Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

- Lokasi: Bukit Batu Pahat, Merbok.

- Merangkumi kawasan seluas 224 km persegi adalah candi-candi & artifak pemujaan agama Hindu-Buddha.



Ragam MPSPK



1. Antara gaya tersendiri peserta larian MPSPK I Love Hiking Bukit H.
2. Pesara MPSPK tampil segak bersama Baju Batik ketika majlis APC dan meraikan bakal pesara.
3. Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat En. Mohd Amin memberi taklimat pelancongan ketika menelusuri Sungai Merbok.

4. YDP dan barisan ketua Jabatan/Bahagian & ahli majlis MPSPK bergambar kenangan bersama Menteri Besar Kedah YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir.
5. Kakitangan & pengawal keselamatan MPSPK ringan tulang membantu mengedarkan bubur lambuk.

Info Direktori

Sekitar Sungai Petani

Jabatan Alam Sekitar (JAS)	044235633
Jabatan Kerja Raya (JKR)	044214040/42
Jabatan Pengairan & Saliran	044212209
Jabatan Pendaftaran Negara	044216391
Jabatan Penerangan	044211621
Jabatan Bekalan Air	044210848
Pejabat Daerah	044211963
Pejabat Tanah	044212122
IPD Daerah Kuala Muda	044236999
Aduan Jabatan Kerja Air	044217606
Biro Pengaduan Awam (Pulau Pinang)	042636893
Jab. Pertahanan Awam (JPAM)	044233193
Bomba Sungai Petani	044214444



Replika Mesin Padi, Tikam Batu

MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Sungai Petani Municipal Council
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel | 604-429 6666 / 429 6700
Fax | 604-429 6655
Web | www.mpspk.gov.my
Email | admin@mpspk.gov.my

"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"

© Hakcipta Terpelihara 2019 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam & Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.